



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

[www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# KENYATAAN MEDIA

## PELANTIKAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Sukacita saya ingin memaklumkan pelantikan YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, mulai 4 November 2019.

YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar berkelulusan Sarjana Sains (Kepujian) Pengurusan Tanah (Pengkhususan Penilaian) daripada University of Reading, England, United Kingdom dan A Level Cardiff, Wales. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 30 tahun apabila mula menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada 1 Ogos 1989. Berpengalaman di dalam tadbir urus, kewangan dan pembangunan sosio ekonomi melalui penempatan di pelbagai Agensi Kerajaan seperti Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi serta Kementerian Wilayah Persekutuan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Sosio Ekonomi) sebelum dilantik ke jawatan semasa.

Saya percaya dengan pengalaman luas dan kredibiliti yang dimiliki menjadi asas kepada beliau untuk melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Ini seterusnya dapat membantu Kementerian melaksanakan fungsinya secara lebih strategik dan inklusif di dalam kemajuan dan pembangunan Wilayah Persekutuan keseluruhannya.

YB. Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad

Menteri Wilayah Persekutuan

4/11/2019